

## SIARAN MEDIA Untuk Siaran Segera

### MSM Prai ambil bahagian dalam Program Menanam Sejuta Pokok di Pulau Pinang sempena Hari Bumi 2024

Sebanyak 1,350 anak pokok ditanam di Mukim 21, Kampung Terus oleh MSM Prai

**SEBERANG PRAI, APRIL 23, 2024** – Sempena sambutan Hari Bumi 2024, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), penapis gula jenama "Gula Prai", melalui anak syarikat milik sepenuhnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) menyertai acara bersejarah Program Penanaman 1 Juta Pokok Dalam Sehari di Pulau Pinang Sempena Hari Bumi semalam, 22 April 2024, menyatakan komitmennya terhadap inisiatif kelestarian alam sekitar yang tertumpu kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Program ini anjuran Yayasan Amal Tuan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Exco Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang dan mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* dengan penyertaan daripada masyarakat setempat, pelbagai wakil Industri/Perniagaan, organisasi kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Sejak 2021, MSM Prai telah berjaya menanam 1,850 pokok di pelbagai lokasi di Pulau Pinang. Untuk tahun ini, MSM Prai mengambil bahagian dalam program perintis peringkat negeri, mencipta rekod baharu bagi pemuliharaan alam sekitar. Usaha berterusan MSM Prai dalam melaksanakan program penanaman pokok, yang bukan sahaja menyumbang kepada penyerapan karbon tetapi juga meningkatkan pemeliharaan biodiversiti dan mengurangkan kesan perubahan iklim."

"Kami kekal teguh dan komited terhadap kemajuan kami dalam perjalanan kelestarian alam sekitar dan sangat mengguna pakai Penyelesaian Berasaskan Alam Semulajadi (*Nature-based Solutions*) dalam tindakan iklim sebagai pertahanan semula jadi terhadap pemanasan global. Kami percaya bahawa kami boleh terus menyumbang untuk perubahan bermakna dan memberi impak positif kepada masyarakat dan masa depan ekosistem semula jadi kita," tambah beliau lagi.

MSM Prai menanam sebanyak 1,350 anak pokok di Mukim 21, Kampung Terus, Kubang Semang, Pulau Pinang, terdiri daripada:

- 1) 400 anak pokok Limau Kasturi (*Citrus × microcarpa/ calamansi*)
- 2) 300 anak pokok Bunga Raya Laut (*Hibiscus tiliaceus/sea hibiscus*)
- 3) 200 anak pokok Kelat Jambut Laut (*Syzygium grande/ sea apple*)
- 4) 150 anak pokok Merawan Siput Jantan (*Hopea odorata*)
- 5) 120 anak pokok Mempari (*Pongamia pinnata*)
- 6) 100 anak pokok Bintangor Laut (*Calophyllum inophyllum*)
- 7) 50 anak pokok Berembang (*Sonneratia caseolaris/ mangrove apple*)
- 8) 30 anak pokok Mempari Berjantai

Turut hadir menyokong program ini ialah 200 individu daripada MSM Prai, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang, Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Tengah, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Kampung Terus (MPKK Kampung Terus) dan pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat penapis gula terkemuka untuk negara dalam memastikan keterjaminan makanan dan antara 10 syarikat penapisan terbaik di dunia, menyediakan produk gula bertapis berkualiti tinggi yang dieksport ke 17 negara. MSM memperoleh dan menapis gula mentah yang mampan melalui program kebolehsesanan global Wilmar International NDPE - Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Eksploitasi Manusia (NDPE - *No Deforestation, No People Exploitation*).

Pertumbuhan MSM didorong oleh rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dipertingkatkan yang tertanam sepenuhnya dalam perniagaan dan operasi. MSM telah mencapai ekonomi kitaran melebihi 90% dalam inisiatif sisa kepada hijau dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya sebagai syarikat korporat ke-10 di Malaysia yang berikrar kepada Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan Sifar Bersih (*Net Zero*) di bawah Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*UN Global Compact*). MSM ialah kaunter indeks FTSE4Good termasuk Syariah di Bursa Malaysia pada 18 Disember 2023.

Bagi memastikan sebarang isu berkaitan ESG dan kemampanan dalam Kumpulan MSM ditangani dengan sewajarnya, MSM mengalu-alukan mana-mana pihak berkaitan, pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk mengemukakan isu tersebut di [esg@msmsugar.com](mailto:esg@msmsugar.com).

**-TAMAT-**

### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)